



DASAR POLISI ANTI-RASUAH JAIM

- 1) JAIM komited untuk mempraktikkan tadbir urus terbaik melalui pengurusan risiko rasuah secara terancang demi memberikan perkhidmatan yang cekap dan berintegriti kepada pihak berkepentingan di samping memastikan kawalan serta penambahbaikan dijalankan secara strategik dan berterusan
- 2) Polisi ini adalah bertepatan dan selaras dengan peruntukan di bawah akta Suruhanjaya Pencegahan Malaysia 2009 dan lain-lain akta yang berkaitan dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) Bilangan 3/2019 yang bersidang pada 16 Januari 2019 telah meluluskan Polisi Anti Rasuah Jabatan Ketua Menteri Melaka
- 3) Polisi ini bertujuan dengan halatuju organisasi iaitu visi, misi, pelan strategik dan aspirasi negara.
- 4) Polisi ini terpakai kepada semua warga organisasi dan pihak berkepentingan dalam urusan organisasi dan digunakan sebagai kerangka kerja dalam penetapan, penyemakan dan pencapaian objektif anti-rasuah.
- 5) Badan tadbir urus dan pihak pengurusan komited untuk melaksanakan semua polisi dan prosedur bagi mencegah, memantau dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah dan melaksanakan penambahbaikan berterusan melalui Sistem Pengurusan Antirasuah.
- 6) Melalui Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, organisasi sentiasa memberi ruang kepada warga organisasi dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah di dalam organisasi.
- 7) Organisasi komited untuk sentiasa menambah baik keperluan-keperluan di bawah polisi antirasuah ini dari semasa ke semasa.
- 8) Jawatankuasa Fungsi Pematuhan yang mempunyai kuasa dan bebas diwujudkan untuk memantau pematuhan kepada Sistem Pengurusan Antirasuah secara menyeluruh dan melaporkan kepada badan tadbir urus dan pihak pengurusan atasan.
- 9) Tindakan undang-undang yang sewajarnya akan diambil ke atas warga organisasi yang gagal mematuhi polisi antirasuah ini.

Disahkan oleh,



Dato' Che Sukri Che Mat
Pengarah
Jabatan Agama Islam Melaka

12 April 2021